

KENYATAAN MEDIA
UNTUK SIARA SEGERA

PERNAS PERLUAS PROGRAM JEJAK CEMERLANG 2025 KE SEKOLAH LUAR BANDAR

LANCHANG, 30 Oktober 2025 – Perbadanan Nasional Berhad (Pernas) meneruskan komitmen dalam memperkasakan pelajar sekolah menengah melalui *Program CSR Jejak Cemerlang 2025*, yang buat julung kalinya diadakan di sekolah luar bandar melibatkan tiga buah sekolah di daerah Temerloh iaitu SMK Datuk Bahaman, SMK Lanchang dan SMK Bukit Damar.

Program ini merupakan kesinambungan kepada kejayaan penganjurannya bersama Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Pantai sejak tahun 2015, yang menjadi sekolah angkat di bawah inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) Pernas.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Pernas, Datuk Nor Azam M. Taib, Jejak Cemerlang merupakan usaha berterusan untuk membantu pelajar-pelajar, khususnya calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), agar lebih bersedia dan yakin menghadapi peperiksaan penting ini.

"Pelaburan paling bernilai bukanlah pada bangunan atau harta benda, tetapi pada ilmu dan manusia. Apabila seorang pelajar berjaya, bukan sahaja kehidupannya berubah, tetapi juga keluarga, masyarakat dan negara turut menerima manfaatnya," katanya semasa merasmikan program tersebut di Dewan Panglima Perang Weh, SMK Datuk Bahaman.

Program ini memberi fokus kepada sesi bimbingan akademik, teknik menjawab soalan serta perkongsian motivasi untuk membantu pelajar mencapai keputusan yang lebih baik.

Dalam program yang diadakan di Lanchang ini, turut diadakan penyerahan sumbangan alat tulis kepada pelajar-pelajar asnaf daripada ketiga-tiga sekolah terlibat sebagai sebahagian daripada usaha membantu mereka membuat persediaan akhir menjelang peperiksaan SPM.

Selain program ini, Pernas turut melaksanakan pelbagai inisiatif CSR lain seperti *Program Back to School* dan sumbangan cermin mata percuma bagi membantu pelajar-pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah membuat persediaan yang lebih baik untuk sesi persekolahan mereka.

Datuk Nor Azam turut menyatakan harapan agar SMK Datuk Bahaman, SMK Lanchang dan SMK Bukit Damar dapat menunjukkan peningkatan yang sama seperti yang dicapai oleh SMK Seri Pantai.

"Semoga kejayaan pelajar-pelajar ini menjadi bukti bahawa setiap usaha dan sokongan mampu mengubah masa depan daripada potensi kepada pencapaian, daripada semangat kepada kejayaan sebenar," tambah beliau.

Sebelum ini, Program Jejak Cemerlang 2025 turut diadakan bersama SMK Seri Pantai pada 7 Oktober lalu di Auditorium Tun Rahah, Menara Pernas, Kuala Lumpur. Penganjuran di Lanchang ini meneruskan usaha tersebut dengan memberi tumpuan kepada pelajar luar bandar agar mereka turut mendapat peluang dan bimbingan yang sama.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut mengenai program ini atau inisiatif lain Pernas, sila hubungi:

Nurshuhadah Hamid

Pemangku Ketua Jabatan Komunikasi Strategik

Perbadanan Nasional Berhad (Pernas)

Emel : shuhadah.hamid@pernas.my

No. Telefon : +603-2082 7788 samb. 7948

PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PERNAS)

Perbadanan Nasional Berhad (Pernas) adalah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (Kementerian Kewangan) dengan mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia dan membantu mengembangkan komuniti keusahawanan negara.

Pernas komited untuk memperkasakan pertumbuhan keusahawanan dan industri francais di Malaysia. Dari bimbingan hingga menghubungkan jalinan rangkaian, pembiayaan dan latihan, kami menyasarkan untuk mengembangkan pengetahuan, mengukuhkan komuniti francais dan memupuk bakat francais generasi akan datang. Dengan cara ini, kami percaya ia dapat memacu perubahan positif merentasi landskap keusahawanan Malaysia.

Laman web : www.pernas.my

Facebook : pernasofficial

Twitter : pernasofficial

Instagram : pernasofficial